

# Bengkel sukan di UMS



**PARA** peserta bengkel Sains dalam Sukan bergambar bersama dengan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Dr Haji Kassim Haji Mad Mansor, semasa majlis penutupan bengkel itu di UMS, Kota Kinabalu, pada Rabu.

Kassim, yang merasmikan majlis penutupan itu, berkata bengkel tiga hari itu adalah satu program yang baik dan ia membantu golongan guru untuk mendapat pemahaman yang

lebih mendalam mengenai pelbagai elemen lain dalam pengajaran sukan di sekolah selain daripada memberi senaman fizikal kepada pelajar semasa kelas Pendidikan Jasmani.

Kira-kira 28 orang guru dari sekolah rendah dan menengah di Kota Kinabalu mengambil bahagian dalam bengkel itu, yang dianjurkan bersama oleh Kelab Kecergasan dan Kesihatan UMS, Jabatan Pelajaran Negeri, UMS dan Pejabat Pelajaran Daerah Kota Kinabalu. – Arfandi Jaafar